

Banjir semakin buruk

SUHAIZA ABU BAKAR

KOTA BHARU – Keadaan banjir di Kelantan semakin buruk apabila seramai 995 mangsa banjir membabitkan 265 keluarga di Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Pasir Puteh ditempatkan di pusat pemindahan banjir sehingga semalam berikutan hujan berterusan sejak dua hari lalu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan berkata, sehingga kini sebanyak 15 pusat pemindahan dibuka di lima daerah.

“Meskipun keadaan cuaca di beberapa kawasan di negeri ini agak cerah hari ini (semalam), tetapi faktor hujan renyai sederhana berterusan itu menyebabkan air semakin naik,” katanya.

Dalam pada itu, laman web rasmi ebanjir.kelantan melaporkan, Pasir Mas masih mencatatkan angka tertinggi mangsa yang mendapatkan perlindungan iaitu 651 orang.

Sementara itu, penduduk Gong Nangka, Pasir Puteh, seramai 15 mangsa kini berada di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Awang manakala seramai lima penduduk di Kampung Padang Kijang dan se-



● Sebuah kereta di kawasan Perumahan Taman Wakaf Stan dekat Kubang Kerian ditenggelami banjir ekoran hujan lebat melanda negeri ini sejak empat hari lalu.

kitarnya berpindah ke balai raya.

Beberapa jalan ditutup untuk lalu-lalu kenderaan ringan mulai semalam termasuk Jalan Tendong-Bunut Susu-Gelang Mas, Pasir Mas; Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu di Kampung Kajang, Pasir Mas dan Jalan Cabang Empat/Kampung Jambu/ Meranti di Kampung Jambu, Tumpat.

Jalan Pangkalan Rakit di Kampung Padang Licin, Pohon Tanjung-Rantau Panjang (jalan lama)-Kampung Siram

dan Pohon Tanjung-Meranti di hadapan Klinik Meranti masih ditutup untuk kenderaan ringan.

Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang melebihi paras bahaya dengan catatan 10.23 meter (9 m bahaya) manakala lima sungai lain pada paras waspada iaitu Sungai Lebir di Tualang (27.81 m), Sungai Kelantan di Kuala Krai (20.83 m), Sungai Kelantan di Jeti Kastam (3.57 m) dan Sungai Golok di Jenob (21.82 m).